

**PREROGATIF AGONG PENENTU PERDANA MENTERI
ATAU PEMBUBARAN PARLIMEN**

**Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain
Pengasas Jurisprudens Watan
merangkap Penasihat Undang-Undang UniMAP**

Suhu politik Negara kelihatan meningkat tiba-tiba apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim membuat pengumuman terbaharu semalam, iaitu hanya berbaki beberapa hari sebelum tarikh pembuangan undi Pilihanraya Negeri Sabah bahawa Tan Sri Muhyiddin Haji Yassin telah hilang undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Belum dapat dipastikan lagi kaedah yang digunakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk membuktikan beliau sudah mendapat undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Yang jelas, tiada prosiding dalam Parlimen untuk memenuhi syarat Perkara 43(4) bahawa "apabila seorang Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong".

Pada hakikatnya pemilihan seorang Perdana Menteri merupakan prerogatif YDPA yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Prerogatif YDPA wujud sama ada secara bertulis dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau tidak bertulis iaitu prerogatif yang terletak pada baginda sebagai seorang Ketua Negara yang mewakili Majlis Raja-Raja untuk memerintah Malaysia. Prerogatif YDPA wujud selagi tidak dibataskan oleh Perlembagaan Persekutuan kerana kuasa kedaulatan YDPA bersumberkan kuasa Raja-Raja Melayu. Prerogatif itu termasuklah kuasa budi bicara baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan dan kuasa-kuasa yang terletak pada diri seorang Raja Melayu atau Majlis Raja-Raja Melayu sebagai pemegang amanah kedaulatan mutlak milik Allah SWT. Hal ini kerana dari sisi sejarah perundangan dan prinsip kedaulatan watan, Raja-Raja Melayu berposisi sebagai "bayangan Allah di atas bumi" atau dalam bahasa yang lebih mudah ialah khalifah.

Perkara 40(2) memperuntukan YDPA boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi untuk melantik seorang Perdana Menteri, tidak

memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen, meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan apa-apa tindakan pada mesyuarat itu, dan dalam apa-apa hal lain yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, Perlembagaan Persekutuan membenarkan Undang-undang persekutuan digubal untuk membuat peruntukan bagi menghendaki Yang di-Pertuan Agong bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain Jemaah Menteri pada menjalankan mana-mana fungsinya selain fungsi yang boleh dijalankan menurut budi bicara baginda dan fungsi yang berkenaan dengan penjalannya peruntukan ada dibuat dalam mana-mana Perkara lain.

Dua petikan penting daripada kenyataan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang diviralkan ialah, pertama, "Dengan sokongan dan majoriti kukuh dan meyakinkan bermakna kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin telah jatuh. Maklumat dan langkah selanjutnya akan saya maklumkan selepas mengadap Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang terdekat, in sha Allah". Kedua pula berbunyi, "Saya berjanji akan membentuk sebuah kerajaan dengan tatakelola berintegriti dan komited untuk menangani krisis yang melanda negara; menghentikan amalan rasuah dan membela rakyat. In sya Allah saya akan tunaikan janji saya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur, aman dan adil untuk seluruh rakyatnya".

Kenyataan Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas menunjukkan keyakinan begitu tinggi beliau bahawa Jemaah Menteri pimpinan Tan Sri Muhyiddin Haji Yassin akan jatuh dan beliau akan dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 8. Pada hakikatnya kedua-dua proses iaitu pelucutan jawatan seorang Perdana Menteri akibat kehilangan undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat dan pemilihan seorang gantinya merupakan kuasa budi bicara atau prerogatif YDPA masing-masing di bawah Perkara 43(4) dan 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mekanisme bagaimana pelucutan jawatan seorang Perdana Menteri begitu juga pelantikannya oleh YDPA. Menurut Perkara 43(2)(a), YDPA hendaklah terlebih dahulu melantik seorang Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri dalam kalangan ahli Dewan

Rakyat yang pada hemat atau pertimbangan baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahlinya. Kuasa lantikan tersebut merupakan kuasa budi bicara YDPA yang dijamin oleh Perkara 40(2)(a).

Amalan pendulu menunjukkan YDPA tidak mudah menerima dakwaan kehilangan undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat di luar proses Parlimen. Pada sisi lain, Perkara 43(4) membenarkan YDPA untuk memperkenankan permintaan Perdana Menteri yang kehilangan undi kepercayaan majoriti bagi pembubaran Parlimen. Dalam hal ini jika dapat dibuktikan di Parlimen atau melalui amalan akuan berkanun bahawa Tan Sri Muhyiddin Haji Yassin tidak lagi mendapat undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat maka beliau hendaklah mengadap YDPA untuk meletak jawatan atau meminta pembubaran Parlimen. Pada ketika ini baharulah YDPA berhak menggunakan prerogatif baginda sama ada menerima peletakan jawatan Perdana Menteri atau memperkenankan Parlimen dibubarkan. Dalam situasi ini, baginda tidak terikat pada permintaan Perdana Menteri kerana itu bukanlah suatu nasihat di bawah Perlembagaan Persekutuan.